

NO. SOALAN: 229

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

RUJUKAN : 8024

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah bilangan kes rogol dan kes incest (sumbang mahram) dari tahun 2000 hingga 2015 dan apakah langkah Kerajaan untuk membanteras jenayah-jenayah yang menjijikkan ini.

JAWAPAN:

Pihak PDRM memandang serius terhadap jenayah seksual ini yang bukan sekadar menyebabkan kecederaan fizikal tetapi turut mencalarkan maruah (*dignity*) dan menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa terutama kepada kanak-kanak yang terlalu muda dan mentah.

1. Statistik kes rogol dari tahun 2000 hingga 2015 seperti berikut:-

2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUM
1,004	1,140	1,125	1,225	1,430	1,637	2,099	2,739	3,075	3,241	3,182	2,959	2,696	2,518	2,045	411	32,526

2. Statistik kes incest (sumbang mahram) dari tahun 2000 hingga 2015 seperti berikut:-

2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUM
213	246	306	254	335	294	332	360	334	385	413	342	302	249	304	69	4,737

Langkah Kerajaan untuk membanteras jenayah-jenayah yang menjijikkan ini adalah dengan mengadakan *Road Show* cegah jenayah bersama RHB Bank mengenai keselamatan kanak-kanak dan memberi khidmat nasihat melalui media massa bagi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat.

Walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan dan NGO's , apa yang penting bagi menangani masalah ini terletak kepada peranan kekeluargaan itu sendiri. Peranan ibu bapa begitu besar untuk mendidik anak-anak mereka menjadi insan yang kamil dan sentiasa mengawasi pergerakan anak-anak mereka dan bagi yang dewasa supaya mengambil langkah yang perlu daripada menjadi mangsa.